

29 OCT 1997

AIDS-Malaysia

MALAYSIA JADI HOS KONGRES AIDS ASIA PASIFIK KE-15 TAHUN 1999.

Oleh: Nu'rul Afida Kamaluddin

MANILA, 29 Okt (Bernama) -- Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada Kongres mengenai Aids di Asia dan Pasifik ke-5 pada tahun 1999 bertujuan mengenal pasti strategi dan memperkukuhkan usaha bersama serantau menangani wabak HIV/AIDS.

Pengumuman ini dibuat oleh Persatuan AIDS Filipina (ASP), penganjur kongres itu yang keempat yang berakhir di sini hari ini.

Kongres lima hari itu, yang berlansung Pusat Persidangan Antarabangsa Filipina di sini, dihadiri oleh kira-kira 2,500 peserta dari lebih 20 negara termasuk Malaysia, Indonesia, Brunei, Amerika Syarikat, Jepun, Thailand, Singapura, Myanmar dan Kemboja.

Satu dokumen mencerminkan sikap dan komitmen para peserta kongres keempat itu dikeluarkan hari ini, yang antara lain mengiktiraf kesedaran mereka bahawa setiap orang boleh dijangkiti HIV/AIDS dan mereka tidak boleh didiskriminasi dan dipinggirkan.

Dokumen itu, yang namakan "Manifesto Manila" menarik perhatian bahawa orang muda, wanita dan penduduk miskin sentiasa dipaksa ke dalam situasi berisiko luas melalui tekanan ketidakadilan sosial dan meningkatkan keterdedahan mereka kepada jangkitan HIV/AIDS.

Manifesto itu juga mahu kesihatan mereka berpenyakit HIV/AIDS (PWAs) ditingkatkan melalui pengurusan perubatan yang wajar dan ubat tradisional.

Manifesto itu ditandatangani oleh pengerusi jawatankuasa penganjur kongres keempat itu, Dr Ofelia T.Monzon, presiden Persatuan AIDS Asia dan Pasifik (ASAP) Dr Roy Chan, president Majlis AIDS Malaysia (MAC) Datuk Paduka Marina Mahathir, pengarah Jabatan Sokongan Negara UNAIDS Dr Rob Moodie dan penyelaras bagi Jaringan Asia Pasifik bagi PWAs Paul Toh.

Pada satu upacara Dr Monzon menyampaikan manifesto kepada Marina sebagai pengerusi kongres kelima.

Marina yang juga naib presiden ASAP, dalam ucapan balasnya berkata manifesto itu memberi cabaran kepada Asia untuk menangani wabak itu, yang menyebabkan hak-hak asasi manusia diabaikan terutama kepada wanita, kanak-kanak dan masyarakat terpinggir seperti penagih dadah, pekerja seks dan pekerja asing.

"Keadaan ini telah menyebabkan penderitaan yang banyak termasuk keterdedahan kepada berbagai penyakit terutamanya HIV/AIDS," katanya sambil menambah bahawa AIDS telah menyemaikan perpaduan untuk menangani wabak itu.

Dalam berkata bahawa AIDS telah menjadikan mereka yang bekerja dalam usaha menanganinya memahami kuasa pengharapan, Marina berkata daripada kecewa dan mengalah, adalah lebih baik mereka bersatupadu mendapatkan kekuatan menghadapi cabaran wabak itu.

Marina juga berikrar untuk mendukung semua janji-janji yang dibuat dalam manifesto itu selain dari, memujuk, merayu, menggesa dan memaksa resolusi itu dilaksanakan oleh kerajaan-kerajaan Asia dan juga masyarakat, sektor swasta dan individu.

Sebelum itur, Jaringan Pekerja Seks, Jaringan Pengurangan kemudaratan Untuk Pengguna Dadah, masyarakat Gay, Lesbian, Biseksual dan dwijantina membuat kenyataan masing-masing yang antara lain meminta supaya mereka dilibatkan dalam kongres itui di masa depan.

Mereka juga meminta kerajaan-kerajaan di Asia dan masyarakat mengiktirafkan mereka dan memastikan hak-hak mereka sebagai manusia diberikan. -- BERNAMA

NAK WAT

